

Perihal Kesasteraan Novel *Salina* Satu Undangan untuk Merenung Kembali Tradisi Kritikan Kita?

UNGKU MAIMUNAH MOHD. TAHIR

ABSTRAK

*Makalah ini menarik perhatian kepada satu pendekatan terhadap kritikan yang dominan dalam dunia sastera Melayu moden. Pendekatan ini menghujahkan teks dan aspek dalamannya adalah penentu mutlak tentang perihal kesasteraan sesebuah teks. Ia juga mengabaikan faktor-faktor diluar teks yang dianggap sebagai bukan-sastera dalam penentuan tersebut. Dengan menggunakan *Salina* sebagai contoh konkrit, makalah ini memperlihatkan bagaimana "kesasteraan" *Salina*, penerimaan dan penolakannya itu dalam banyak hal dipengaruhi dan ditentukan oleh faktor-faktor di luar teks. Ini termasuklah kekangan institusi, resepsi kritikan dan ideologi estetik dan tunjangan falsafah yang berubah-ubah. Berdasarkan penemuan ini, makalah ini menghujahkan bahawa penentuan "kesasteraan" itu jauh dari mutlak dan memerlukan pendekatan menyeluruh yang jarang diamalkan dalam dunia kritikan sastera Melayu moden.*

ABSTRACT

*The article draws attention to a critical approach to literature, dominant in modern Malay critical scene, which holds the text and its intrinsic properties as the sole arbiter of literariness whose pronouncements are absolute. This approach, which is necessarily text-centred, ignores factors outside the text, designated as non-literary, as extraneous to such literary concerns as aesthetics. Using *Salina* as a concrete case study, the paper argues that the novel's "literariness" and its acceptance and rejection by the Malay literary scene, are in large measure determined by factors outside the text. These include institutional constraints, critical reception and changing aesthetic ideology and philosophical underpinnings. In light of the findings, the paper suggests that pronouncements of literariness, far from being absolute, would call for a more comprehensive approach than is generally seen in the Malay critical scene.*

Makalah ini ialah rombakan kembali kertas kerja saya "Kesusasteraan Novel *Salina*: Satu Renungan Kembali" yang dibentangkan di Seminar Fakulti Sains Kemasyarakatan Dan Kemanusiaan pada 23hb. September, 1993 di Universiti Kebangsaan Malaysia.

MUKADIMAH

Lumrahnya apabila soal kesasteraan atau *literariness* sesebuah karya kreatif itu diperkatakan, perkara yang menjadi pertimbangan utama ialah aspek intrinsiknya atau aspek dalaman karya itu. Malah tidak keterlaluan jika dikatakan aspek dalaman ini merupakan satu-satunya aspek yang dipertimbangkan. Perihal ini dapat dilihat pada bentuk-bentuk kritikan yang dihasilkan yang rata-rata berpusat pada teks atau bersifat *text-centred*. Bentuk kritikan seperti ini, umpamanya, sering menyorot komponen-komponen sesebuah karya itu yang lumrahnya dibahagikan kepada dua bahagian besar iaitu "tema" dan "struktur".¹ Seterusnya kritikan dipusatkan kepada dua perkara itu saja. Kenyataan bahawa dua perkara ini menjadi pertimbangan utama dapat dipastikan apabila dilihat kritikan yang bersifat bandingan. Kritikan seperti ini yang membandingkan beberapa karya yang dihasilkan pada waktu yang berbeza oleh beberapa orang penulis selalunya akan memusat pada teks-teks yang dikaji. Hakikat bahawa karya-karya tersebut adalah hasil persekitaran yang berbeza dan oleh penulis yang berlainan pula serta implikasi kelainan ini ke atas produksi karya-karya tersebut langsung tidak diambil kira. Malah perkara-perkara tersebut dianggap bukan-sastera atau *non-literary* dan dengan mudah dilupakan sama sekali. Bentuk kritikan seperti ini memperlihatkan satu fahaman yang tertentu tentang penghasilan teks dan kritikkannya. Fahaman ini mengandai dan meyakini bahawa dalam menghayati kesasteraan sesebuah karya, perkara-perkara lain dari aspek dalaman tidak langsung memainkan peranan dan justeru itu tidak perlu dipertimbangkan. Dengan kata lain, untuk memperkatakan tentang kesasteraan sesebuah karya memadailah melihat aspek dalaman sahaja.

Sesungguhnya bentuk kritikan seperti ini begitu lumrah dalam dunia kritikan sastera Melayu moden. Sehubungan dengan itu makalah ini ingin meninjau sejauh manakah bentuk kritikan ini mampu berlaku adil kepada karya yang dikaji. Ia ingin bertanya sama ada soal kesasteraan sesebuah karya itu sesungguhnya terletak semata-mata pada aspek intrinsiknya saja atau ia melibatkan lebih dari itu. Ini tidak bererti makalah ini menafikan peri pentingnya aspek dalaman teks. Makalah ini juga bertolak dari wawasan bahawa kefahaman dan kepakaran dalam seluk beluk komponen teks dan proses komponen-komponen ini dijalinkan dalam kesatuan yang padu yang dinamakan teks itu amat diperlukan untuk menyerlahkan keindahan sesebuah karya kreatif. Tetapi di samping itu makalah ini juga ingin meninjau sama ada aspek intrinsik ini mutlak dalam pertimbangan kesasteraan sebuah karya seperti lumrah menjadi pegangan dan amalan para pengkritik. Untuk tujuan itu makalah ini akan melihat novel *Salina* serta perihal kesas-teraannya sebagai contoh atau *case study* untuk menangani persoalan yang telah dibangkitkan.

PERIHAL KESASTERAAN NOVEL *SALINA*

Pada tahun 1958 Dewan Bahasa dan Pustaka menganjurkan peraduan mengarang novel yang pertama. Dalam peraduan ini tidak ada novel yang memenangi hadiah pertama. Novel *Musafir* mendapat hadiah kedua dan pengarangnya Hassan Ali mendapat pingat perak dan wang tunai RM 1,000. Novel *Salina* berserta tujuh buah lagi novel lain diberi hadiah penghargaan, dan A Samad Said pengarang *Salina* mendapat sebatang Pen Parker². Tetapi dalam perkembangan kesusasteraan Melayu selanjutnya, *Salina* sebagai sebuah karya kreatif jelas lebih menonjol dari *Musafir*. Malah boleh dikatakan *Musafir* tenggelam dalam dunia kritikan sastera sementara *Salina* mendapat perhatian dan sanjungan ramai. *Salina* diterjemahkan ke beberapa bahasa asing dan untuk kesekian lamanya *Salina* menikmati kedudukan yang istimewa dalam dunia sastera Melayu Moden. Pada tahun 1979/80 Shahnnon Ahmad menolak *Salina* sebagai novel yang tidak memperlihatkan nilai-nilai Islam dan muflis dari segi iman. Beberapa tahun kemudian iaitu pada tahun 1985 A Samad Said diberi Anugerah Sasterawan Negara. Dalam Laporan Panel Anugerah Sastera yang ahlinya termasuk juga Shahnnon Ahmad, *Salina* dikatakan sebuah karya yang besar yang meletakkan A. Samad Said ke tahap yang disegani dalam dunia sastera Melayu moden. Laporan itu ada mengambil kira penolakan Shahnnon Ahmad tetapi dikatakan ini tidak meluputkan kekuatan *Salina*.

Rentetan yang serba ringkas di atas jelas memperlihatkan pasang surutnya "nasib" *Salina* ini. Ia gagal dalam peraduan jika dibandingkan dengan *Musafir* tetapi ia menang di luar gelanggang untuk kemudian ditolak sebagai karya yang tidak "bertanggung jawab" dan seterusnya diambil semula sebagai karya yang besar. Hakikat turun-naiknya nasib *Salina* ini dengan sendirinya menunjukkan bahawa "kesasteraan" sesebuah karya kreatif itu bukanlah suatu perkara yang mutlak. Hakikat ini juga menjelaskan bahawa aspek dalaman itu bukanlah satu-satunya aspek yang mendokong dan meyerlahkan kesasteraan *Salina*. Turun naiknya nasib *Salina* itu menunjukkan kemungkinan adanya aspek-aspek lain yang turut memainkan peranan dalam penentuan kesasteraannya. Aspek-aspek ini pula tidak semestinya terletak pada unsur dalaman atau intrinsik saja tetapi di luar unsur ini. Seterusnya kerana ia di luar aspek intrinsik ia dikatakan bukan sastera atau *non-literary*. Sehubungan dengan itu tidak keterlaluan jika disarankan aspek ini selalu dikesampingkan dalam kritikan justeru kerana ia dianggap bukan-sastera.

Bertolak dari hakikat di atas, makalah ini ingin meninjau aspek-aspek yang dikatakan bukan sastera itu dan seterusnya melihat sama ada aspek-aspek ini sesungguhnya memainkan peranan dalam perihal kesasteraan *Salina*. Dalam menangani persoalan ini makalah ini tidak

akan menyorot aspek dalaman *Salinan*. Ini dilakukan kerana pertama penekanan makalah ini lebih cenderung pada meninjau kembali kemampuan serta kesahihan pendekatan pemusatan teks dan untuk tujuan itu sorotan teks tidak diperlukan; kedua, kritikan teks *Salina* sudah banyak dilakukan dan justeru itu makalah ini ingin melakukan sesuatu yang berbeza dari yang lumrah disajikan oleh para pengkritik. Sehubungan dengan ini sayugia diulang di sini makalah ini tidak menolak peri pentingnya aspek intrinsik dalam penilaian kesasteraan sesebuah karya.

Sejarah nasib *Salina* yang pasang surut seperti yang tertera di atas itu mengundang supaya konteks kelahiran novel ini dan perkembangannya di tinjau dengan lebih dekat lagi. Sama seperti *Musafir*, *Salina* adalah hasil dari peraduan yang dianjurkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka (selepas ini DBP) pada tahun 1958, iaitu peraduan yang julung kali diadakan oleh badan tersebut. Pada penghujung dekad 50-an itu sejarah negara baru sahaja mencatatkan kebebasan dari belenggu penjajahan dan dalam konteks serba merdeka ini berbagai-bagai perkara menjadi perhatian dan tumpuan kerajaan. Antara yang terpenting, khususnya bagi orang Melayu, ialah soal bahasa Melayu dan perjuangan untuk terus mendaulatkan bahasa itu. Sebagai agensi kerajaan, DBP dengan slogannya "Bahasa Jiwa Bangsa" telah dikerahkan untuk sama-sama memastikan kedudukan dan martabat bahasa tersebut tetap terpelihara. Sehubungan dengan itu, ternyata ada satu masalah yang rumit dan perlu segera ditangani, iaitu soal ketiadaan bahan bacaan khususnya bagi pelajar-pelajar sekolah. Sebagai satu langkah untuk mengatasi masalah yang begitu mendesak itu, DBP dalam rangka untuk memperbanyakkan bahan bacaan khususnya bagi pelajar sekolah telah menganjurkan peraduan 1958 tersebut. Sayugia diingat ini adalah usaha DBP yang pertama sekali dalam hal mengendalikan peraduan. Seterusnya, bagi peraduan ini DBP telah menetapkan beberapa syarat, antaranya ialah:

1. Cerita karangan asli (original) dengan bahasa Melayu; latar belakang dan pokok ceritanya hendaklah hal ehwal yang berlaku di Tanah Melayu.
2. Cerita itu hendaklah mempunyai *Nilai Sastera* (bukan semata-mata cerita yang hanya merupakan hiburan saja, atau hanya mengandungi di'ayah, atau hanya jalinan sejarah dan riwayat; atau pun hanya pengajaran sahaja). (penegasan penulis)
3. Panjang cerita sekurang-kurangnya 35,000 perkataan atau kira-kira 150 muka kertas "foolscap" yang ditaip sebelah muka sahaja dengan jarak langkau sebaris.
4. Novel yang mendapat hadiah pertama dan kedua akan dicetak dan diterbitkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka.

5. Novel-novel yang mendapat hadiah sagu hati akan ditimbangan penerbitannya oleh Dewan Bahasa Dan Pustaka. (Dewan Bahasa, Mac 1953: 3-6)

Syarat-syarat tersebut di atas, khususnya nombor 2, mengandaikan karya yang menang ialah karya yang sudah dinilai dan didapati mempunyai nilai sastera. Seterusnya, ia “bukan hiburan saja, atau hanya mengandungi di’ayah ...”. Dengan kata lain, karya yang menang ialah karya yang kesasteraannya telah diperakukan.

Peraduan ini telah mendapat sambutan sebanyak 48 buah manuskrip. Seramai empat orang pengadil telah dilantik oleh Syed Nasir yang pada masa itu menyandang jawatan Pengarah Dewan Bahasa Dan Pustaka. Di samping empat orang pengadil tersebut Kamaluddin Muhammad atau Keris Mas dilantik sebagai setiausaha. Menurut Keris Mas antara manuskrip yang dinilai oleh jemaah pengadil, manuskrip “*Salina*” atau nama asalnya “Gerhana I dan II” mengambil masa yang paling lama sekali kerana tidak dapat kata sepakat antara para pengadil. Di sini saja dapat dilihat betapa kesasteraan *Salina* itu tidak dapat diputuskan secara mutlak atau bersama.

Seterusnya, menurut Keris Mas, dalam mengadili manuskrip-manuskrip yang diajukan itu kebanyakan para pengadil memperlihatkan satu pendirian yang tertentu. Dalam kenangan kembalinya sebagai setiausaha peraduan, Keris Mas menyatakan:

para pengadil seperti juga kebanyakan cerdik pandai dewasa itu amat obses, terpesona oleh semangat hendak membanyakkan buku bacaan bagi para pelajar. Dalam menimbangan hasil peraduan novel itu saya lihat pemikiran inilah yang mempengaruhi mereka... (Keris Mas 1979).

Sesungguhnya pendirian pengadil ini tidak menghairankan jika ditinjau konteks yang mengelilingi peraduan tersebut serta dorongan dan tujuan ia diadakan. Bertolak dari tujuan ini, adalah wajar soal bahan bacaan menjadi pertimbangan utama. Sehubungan dengan ini, apa yang *significant* bagi persoalan yang dibincangkan ialah wujudnya satu pemikiran yang menjadi tunjangan para pengadil. Dengan kata lain, persepsi tentang “sastera” dan “kesasteraan” itu diwarnai oleh pertimbangan tuntutan bahan bacaan untuk pelajar-pelajar sekolah. Seterusnya dalam konteks inilah “kesasteraan” manuskrip-manuskrip yang diadili itu harus difahami.

Berlatarbelakangkan pendirian dan persepsi para pengadil yang demikian, maka tidak hairanlah mengapa manuskrip *Salina* mengambil masa yang paling lama untuk diadili seperti yang dinyatakan oleh Keris Mas. Ini berkait rapat dengan isi kandungan “*Salina*” dan kaitannya dengan persepsi “sastera” dan “kesasteraan” itu. Menurut A Samad

Ahmad (1981: 297–298), seorang dari pengadil yang dilantik untuk peraduan tersebut:

Aku berasa terkejut juga kerana ramai dari anggota pengadil, semata-mata memandang kepada tempat-tempat yang dianggap mereka buruk dan cemar sahaja dalam “Gerhana”. Hingga ada di antara mereka mahukan supaya novel “Gerhana” itu ditolak sama sekali dari senarai novel-novel yang menang. Hujah yang dikemukakan ialah kerana aliran ceritanya seolah-olah membela pelacur; tambahan pula, terdapat dalam beberapa bahagian novel itu, kata-kata yang mirip kepada pengertian lucah. Tidak sesuai sama sekali, bahkan akan merosakkan pemuda pemudi kita membacanya.

Apa yang ketara di sini ialah penghalusan takrif “sastera” dan “kesasteraan” supaya menjurus serta akur dengan tuntutan bahan bacaan bagi pelajar sekolah. Dengan kata lain, di tahap ini ideologi estetik, yang mendasari pengadilan itu jelas berligar pada kesesuaian karya tersebut khususnya dari aspek moral bagi pelajar dan juga muda mudi. Inilah yang diterima dan diperakukan dan bakal disebarkan kepada khalayak pembaca sebagai “sastera” dan mempunyai “kesasteraan”. Seterusnya, bertunjangan kesesuaian ini para pengadil memberi tempat kedua kepada *Musafir* dan hadiah penghargaan kepada *Salina* dan tujuh buah novel yang lain. Malah dalam senarai hadiah penghargaan ini judul manuskrip “Gerhana” terletak di akhir senarai. Sayugia di ingat di tahap ini “kesasteraan” *Salina* terletak di bawah *Musafir*. Lanjutan dari keputusan itu para pengadil menasihatkan agar DBP tidak menerbitkan manuskrip “Gerhana”. Ini sekali lagi memperkukuhkan persepsi mutu “kesasteraan” *Salina* itu lebih rendah dari *Musafir*.

Keputusan tersebut tidak dipersetujui oleh A Samad Ahmad dan juga ustaz Zulkifli, seorang lagi pengadil, yang memang tidak menyenangi pemikiran yang mendasari pengadilan tersebut. Atas inisiatif mereka sendiri, kedua pengadil ini telah menulis apa yang dipanggil oleh A Samad Ahmad sebuah “Minority Report” yang diajukan kepada Syed Nasir menggesa agar “Gerhana” diterbitkan oleh DBP. Selaku Pengarah DBP Syed Nasir tidak mempunyai kuasa atas soal penerbitan buku-buku. Badan yang berkuasa menentukan perkara ini ialah Jawatankuasa Penerbitan Pengelola DBP. Namun begitu atas usaha Syed Nasir jawatankuasa tersebut telah bersetuju untuk menerbitkan “Gerhana” tetapi dengan bersyarat, iaitu “Gerhana” hanya boleh diterbitkan sesudah manuskrip “Musafir” diterbitkan dan tidak bersaing dengannya. Kompromi ini sekali lagi memperlihatkan tanggapan DBP dan institusi yang terlibat tentang “kesasteraan” *Salina* dan *Musafir*. Lanjutan dari keputusan ini *Musafir* diterbitkan pada tahun 1959 sementara *Salina* diterbitkan pada tahun 1961, iaitu dua tahun setelah

novel *Musafir* disebarakan kepada khalayak pembaca dan “kesasteraannya” diperakukan oleh DBP. Seterusnya, sebagai pengukuhan kesasteraan novel *Musafir*, ia dijadikan teks sekolah dan diulang cetak tidak kurang dari 16 kali, sesuai dengan matlamat peraduan untuk menyediakan dan memperbanyakkan bahan bacaan bagi para pelajar. *Salina* pula tidak dijadikan buku teks sekolah.

Perbincangan di atas jelas memperlihatkan idologi estetik yang mentakrifkan “sastera” dan “kesasteraan” itu sebagai yang tidak berunsur atau berbau lucu. *Musafir* dengan ceritanya yang berligar pada seorang pemuda yang berkelana dari kampung ke kampung dan tidak pula berunsur lucu justeru diperakukan kesasteraannya. Ini diperkuatkan lagi dengan tindak-tanduk protagonis *Musafir* Lee Han, seorang mualaf yang memeluk agama Islam dan mengambil nama Leman. Dalam perkembangan naratif ini Leman terpukau sejenak dengan kekayaan yang diwarisinya dan terjebak dalam kancang maksiat tetapi telah insaf dan bertaubat di akhir cerita. Penyelesaian cerita yang membenarkan Islam dan akur pula dengan tata-susila Melayu mengajukan moral yang sesuai dan jelas dan dengan itu memperkukuhkan lagi “kesasteraan” karya ini.

Keadaan *Salina* pula berbeza. Kalau “kesasteraan” *Musafir* terserlah seperti yang dijelaskan di atas, “kesasteraan” *Salina* pula perlu dipertanggungjawabkan. Untuk itu Keris Mas telah diberi mandat untuk melaksanakan tugas ini. Keris Mas telah berjumpa dengan A Samad Said dan menyarankan supaya dibuat beberapa perubahan agar kesasteraan karyanya dapat diperakukan. Keris Mas menarik perhatian A. Samad Said kepada kemungkinan novel ini dibaca sebagai membenarkan pelacuran sebagai satu kerjaya. Merujuk kepada perkara ini dalam bukunya *Dari Salina ke Langit Petang*, A Samad Said (1979:38) menyatakan Keris Mas memberitahunya:

Tidak bagus kalau kita tidak selitkan sepotong ayat yang membayangkan *Salina* sebenarnya ingin menjadi baik dan ingin keluar dari dunia pelacuran, kata Keris Mas kepada saya bila menganjurkan perubahan kecil kepada novel *Salina*. “Kalau dibiarkan seperti asalnya, nampak benar-benar seolah-olah kita menggalakkan pelacuran” tambahnya.

Lanjutan dari saranan itu A Samad telah membuat perubahan seperti yang tercatat dalam memoir Keris Mas (1979:194):

Samad membaca semula naskhahnya lalu membuat koreksi yang amat minima menegaskan sikap ibu Nahidah (sic) tidak menyetujui perbuatan *Salina* bersekedudukan dengan Abdul Fakar dan memberi nasihat supaya mencari jalan keluar. Samad juga mengaburkan sedikit bau porno yang terdapat di sana sini. Akhir sekali Samad setuju nama “Gerhana” ditukar menjadi *Salina*

Dalam buku mereka masing-masing, Keris Mas dan juga A Samad Said mengatakan pembetulan yang dilakukan itu kecil, tetapi kalau ditinjau dari aspek persoalan “kesasteraan” yang dibincangkan, perubahan yang dilakukan oleh A Samad Said itu adalah amat *significant* dan mempunyai implikasi yang besar terhadap persepsi serta perakuan “kesasteraan” novel tersebut. Ini kerana ia melibatkan takrif “sastera” dan “kesasteraan” itu sendiri. Perubahan yang dilakukan oleh A Samad Said itu dengan sekali gus telah merubah paksi moral tersebut daripada membenarkan pelacuran (bacaan yang diperkatakan oleh Keris Mas) kepada menolak pelacuran hatta dalam bentuk yang lemah sekali (penolakan melalui nasihat ibu Hilmy dan juga keluhan Haji Karman). Seterusnya, apabila jelas novel *Salina* tidak menghalalkan pelacuran (tidak seperti versi asalnya) maka ia diterbitkan. Dengan kata lain, apabila aspek porno ini ditangani, maka barulah “kesasteraan” novel ini diperakukan. Seterusnya, terbitlah *Salina* dan novel inilah yang sampai ke tangan khalayak pembaca.

Sayugia diingat bahawa apabila ia diterbitkan “kesasteraan” *Salina* masih diletakkan di bawah “kesasteraan” novel *Musafir*. Tetapi sebagaimana yang dikatakan di awal pembicaraan, dalam perkembangan kesasteraan Melayu moden seterusnya, novel *Salina* jelas lebih menonjol daripada novel *Musafir*. Ini bererti persepsi tentang “kesasteraan” novel ini telah mengalami perubahan walaupun sebagaimana diketahui umum teks *Salina*, dan seterusnya aspek intinsiknya, tidak berubah sama sekali.

Perubahan persepsi tentang “kesasteraan” novel *Salina* ini dapat dikaitkan dengan satu ceramah yang disampaikan oleh Profesor A Teeuw dari Universiti Leiden pada 21 September, 1964 berjudul “Sastera Melayu Moden Yang Saya Baca (Kesan Sebagai Orang Luar)”. Ceramah tersebut telah diterbitkan dengan sepenuhnya dalam *Dewan Bahasa* pada keluaran November 1964, dan dengan itu pandangan Profesor Teeuw itu dapat diketahui oleh khalayak pembaca yang luas. Profesor Teeuw mengaku kepuasan yang dinikmati melalui novel ini antara lain ialah kepuasan seorang “*orientalist*, penyelidik manusia timur” yang mendapat “faham yang dalam mengenai masyarakat Melayu dan tak kurang pula mengenai manusia Melayu, cara dia berfikir dan merasa. Tak kurang memuaskan pula ... bahasa yang dipakai oleh Samad Said” (Teeuw 1964). Selain dari itu, Profesor Teeuw juga ada memperkatakan tentang struktur, prosody, konflik dan aspek-aspek teks yang lain. Di akhir perbincangan beliau mengajukan novel *Salina* ini “sebagai contoh sastera Melayu moden yang bagi saya baik”.

Tidak dinafikan sebelum pengakuan Profesor Teeuw ini telah ada tulisan-tulisan lain yang juga memperkatakan tentang mutu *Salina* ini. Umpamanya, dalam *Dewan Bahasa* keluaran Disember, 1962, Hamdi memberi sanjungan kepada *Salina* sebagai “sebuah novel masyarakat

yang baik yang pernah diciptakan oleh penulis bangsa kita". Namun begitu apa yang jelas ialah ekoran pengakuan Profesor Teeuw ini terdapat sanjungan secara terang-terangan oleh golongan akademik seperti pensyarah-pensyarah sastera atau mereka yang disegani dalam dunia sastera dan kebudayaan Melayu seperti Profesor Mohd. Taib Osman (1974), Abu Bakar A Hamid (1973), Shahnnon (1979) dan Kassim Ahmad (1979).

Merujuk kepada perubahan persepsi terhadap "kesasteraan" *Salina* ini, adalah tidak keterlaluan jika disarankan faktor ketokohan dan kewibawaan Profesor Teeuw ada memainkan peranan yang penting dalam soal ini. Ini lebih-lebih lagi ketara jika dilihat kritikan yang positif tentang *Salina* lebih menonjol pandangan beliau disebarluaskan menerusi majalah *Dewan Bahasa* itu. Keterlibatan Profesor Teeuw dalam hal ini dan lebih-lebih lagi implikasinya terhadap penilaian "kesasteraan" *Salina* bukanlah sesuatu yang menghairankan. Sebagai sarjana yang telah lama dikenali dan dihormati sebagai "tokoh" dalam dunia sastera Melayu/Indonesia, kritikan beliau sudah barang tentu akan dipertimbangkan dengan serius. Seterusnya, konteks dan waktu perakuan beliau itu juga tidak kurang pentingnya. Ceramah dan makalah Profesor Teeuw itu menemui dunia sastera Melayu moden pada tahun 1964, iaitu zaman di mana kritikan sebagai satu disiplin masih muda usianya dan masih dalam usaha mencari kematangan. Dan lagi, dalam konteks Malaysia pula disiplin kritikan ini sering dikaitkan dengan Barat seperti yang terserlah dalam penggunaan istilah-istilah yang boleh disusurgalurkan ke Barat. Dalam konteks seperti ini, dan disambut pula dengan *credibility* Profesor Teeuw yang memang sudah mengukir nama dalam dunia sastera Melayu, hakikat bahawa penilaian beliau dengan mudah dapat mempengaruhi kritikan dan apresiasi karya kreatif merupakan satu kenyataan yang sukar dipertikaikan. Malah betapa berpengaruhnya pandangan beliau ini dapat dilihat apabila sesudah ceramah tersebut ada usaha-usaha untuk mengketengahkan sastera Melayu moden sebagai karya yang tidak kurang mutunya dan dapat bersaing di taraf antarabangsa. Dalam situasi seperti ini penilaian beliau tentang *Salina*, atau lebih tepat lagi, nama beliau, dirujuk sebagai bukti yang *conclusive* tentang kebenaran dakwaan yang dibuat.

Jika dikesampingkan soal ketokohan Profesor Teeuw serta implikasi ketokohan ini, dan ditinjau penilaian beliau tentang novel *Salina*, apa yang ketara ialah wujudnya satu takrif "sastera" dan "kesasteraan" yang memungkinkan *Salina* dinilai sebagai karya yang bermutu. Antara lain, takrif ini tidak melihat wujudnya unsur lucu dalam novel ini. Malah dalam makalah Profesor Teeuw soal lucu tidak timbul langsung. Bagi beliau, umpamanya, "adegan persetubuhan mereka (Zarina dan Fakar) – sebagai *konteras* yang amat kuat kemurnian Nahidah..." Kehadiran adegan ini dilihat sebagai sebahagian yang wajar dalam pembinaan

naratif *Salina* itu.³ Seterusnya, dengan pandangan yang demikian soal unsur lucu sebagai penghambat “kesasteraan” seperti yang dipegang oleh para pengadil tahun 1958 itu sudah tidak relevan lagi. Malah apa yang mungkin dipersepsikan sebagai unsur lucu pada tahun 1958 kini dilihat sebagai “kekuatan” dalam novel ini kerana menawarkan “konterras” yang berkesan seperti yang terserlah dalam kutipan Profesor Teeuw di atas. Apa yang berlaku ialah pertimbangan yang mempengaruhi “sastera” dan “kesasteraan” itu telah berubah dan dalam konteks yang baru ini apa yang dulu dianggap sebagai lucu tidak lagi dilihat sedemikian rupa. Seterusnya, situasi pengertian seperti ini membuka jalan bagi *Salina* untuk memantul dalam dunia sastera Melayu moden sebagai karya yang baik, yang “kesasteraannya” dapat dipertanggungjawabkan.

Dalam konteks pengertian yang sudah berubah ini jugalah timbul kritikan perbandingan antara *Salina* dan *Musafir* dengan kesimpulan seperti berikut:

Mungkin membandingkan *Musafir* dan *Salina* adalah suatu perbuatan yang tidak adil kerana kedua-duanya adalah masing-masing membawa persoalan yang berlainan, tetapi *Salina* daripada segala segi adalah lebih baik daripada *Musafir*. Masalah yang dikemukakan oleh A Samad Said berkenaan dengan penduduk-penduduk di Kam-pung Kambing adalah lebih memenuhi selera pembaca daripada apa yang dikemukakan dalam *Musafir* (*sic*) berkenaan dengan apa yang dihadapi oleh Leman. Keenakan *Salina* mengatasi *Musafir* mungkin juga kerana pengolahan dan gaya yang digunakan oleh pengarang-nya, sedangkan *Musafir* adalah penuh dengan segala kesederhana. (Siti Hawa Salleh 1976:174)

Kutipan di atas umpamanya ada menyebut tentang “selera pembaca” walaupun aspek ini disentuh secara sambil lalu sahaja. Ditulis pada tahun 1967, makalah ini menarik perhatian kepada soal perubahan pertimbangan dari bahan bacaan untuk pelajar sekolah kepada khalayak yang kurang spesifik sifatnya atau khalayak yang lebih umum lagi.

Begitu juga A Bakar A Hamid (1973:248-349) telah cuba melihat dan memperakukan *Salina* dari aspek yang lain pula:

kesusasteraan sebagai seni dituntut memberikan kepuasan intelek di samping kepuasan estetika. *Salina* merupakan novel Melayu pertama memperlihatkan usaha-usaha yang sungguh-sungguh ke arah pencapaian tujuan tersebut.

Dengan kata lain, apabila di keluarkan dari konteks peraduan tersebut yang mempunyai kekangan-kekangannya (*constraints*) tersendiri, “kesasteraan” *Salina* mula ditinjau dari perpektif yang berbeza yang seterusnya menghasilkan penilaian yang berbeza pula. Hasil dari tinjauan seperti ini ialah pengukuhan “kesasteraan” *Salina*, iaitu satu penilaian yang menyanggah keputusan pengadilan 1958.

Penilaian positif tentang *Salina* dan implikasinya terhadap kesasteraan karya tersebut yang pada banyak hal dirintis oleh Professor Teeuw seperti yang dibincangkan di atas terus mendominasi dunia kritikan dan apresiasi sastera Melayu moden untuk kesekian lamanya. Tetapi seperti yang diperkatakan di awal makalah ini, soal “kesasteraan” *Salina* ini timbul lagi pada penghujung dekad 70-an dan permulaan dekad 80-an. Shahnnon Ahmad dalam makalahnya “Siti Salina: Sebuah Renungan Kembali” (1979) dan “Sastera Dalam Pembinaan Akhlak – Satu Renungan Dari Sejarah Sastera Melayu” (1980) menarik perhatian antara lain kepada aspek “kekosongan iman” (1982:173) dan penyelesaian novel ini yang mencurigakan, khususnya “...Abdul Fakar... dan ...Salina ... pasti akan bertemu kembali dalam babak-babak yang lebih erotik dan bergelumbang dengan dosa yang dikutuk oleh Allah Azzawajalla” (1982:132)

Pada sekilas pandang penilaian Shahnnon Ahmad ini mengingatkan kembali kepada soal kehadiran aspek-aspek yang dianggap kurang hormat dalam karya tersebut, iaitu pertimbangan yang mendasari pengadilan 1958 dan persepsi “kesasteraan” dewasa itu. Tetapi sesungguhnya penilaian Shahnnon menekankan aspek lain, hatta aspek ini ada kaitan dengan persoalan sex yang terserlah dalam karya ini. Tidak seperti pengadil 1958, Shahnnon tidak diburu oleh aspek lucu ini. Malah, bagi Shahnnon penyembunyian kerjaya *Salina* (sebagai pelacur) menjadikan “*Salina* sebagai sebuah novel bukan sebuah karya porno yang kononnya dibimbangkan oleh para pengadil (?) meskipun kisah pelacuran yang menjadi inti” (1982 : 123 + 129). Bagi Shahnnon yang lebih penting dari itu ialah tidak tertegaknya Islam sebagai satu sistem hidup yang sempurna dalam karya ini. Inilah yang menjadi tunjangan pengertian “kesasteraan” dan atas dasar inilah *Salina* dinilainya.

Sesungguhnya penggunaan penilaian yang berorientasi keislaman yang dipadankan kepada *Salina* pada masa itu tidak menghairankan. Seperti dijelaskan di atas, makalah Shahnnon ditulis pada penghujung dekad 70-an dan permulaan dekad 80-an, iaitu satu tempoh waktu di mana dunia sastera Melayu moden begitu berkumandang dengan wacana Sastera Islam dan penghasilan karya-karya yang dipersepsikan sebagai “Sastera Islam”. Malah Shahnnon Ahmad sendiri dikatakan pelopor “Sastera Islam”. Dalam konteks ini yang mempunyai tuntutan-tuntutan dan pertimbangan-pertimbangannya yang tersendiri,⁴ *Salina* didapati pincang dari berbagai segi termasuklah tuntutan utama agar sastera mengajak kepada kebaikan dan mencegah kepada kejahatan. Ini lebih-lebih lagi terserlah dalam penyelesaian yang mematikan agen-agen yang membawa kepada kebaikan seperti Razman, Khadijah dan juga Haji Karman sementara Abdul Fakar yang bergelumbang dengan dosa terus hidup. Ditinjau dari perspektif Sastera Islam kekaburan moral *Salina* lantaran kegagalan A Samad Said untuk “memecahkan persoalan dari

sudut menyalahkan yang salah atau membenarkan yang benar. (Shahnon Ahmad 1982:131) menimbulkan tanda tanya tentang novel tersebut. Dengan kata lain, takrif “sastera” dan “kesasteraan” ditahap ini sekali lagi melalui perubahan dan dalam konteks yang baru ini “kesasteraan” *Salina* tidak dapat dipertanggungjawabkan.

Perihal kesasteraan *Salina* sekali lagi timbul apabila A Samad Said dianugerah Sasterawan Negara pada 1935. Pemilihan A Samad Said sebagai Sasterawan Negara di dasarkan kepada karya-karya beliau termasuklah *Salina*. Sesungguhnya dalam laporan panel anugerah sasterawan negara *Salina* diajukan sebagai sebuah karya yang kuat. Dengan kata lain, persepsi tentang “kesasteraan” *Salina* sekali lagi mengalami perubahan setelah “kemeropotannya” beberapa tahun sebelum itu. Perihal kedudukan *Salina* ini menjadi rumit apabila diingat Shahnon Ahmad, yang beberapa tahun dahulu mempertikaikan *Salina*, adalah salah seorang ahli panel Anugerah Sasterawan Negara ini dan juga terlibat dalam penulisan laporan anugerah yang memperakukan “kesasteraan” *Salina*. Sekurang-kurangnya bagi Shahnon sendiri soal pendiriannya terhadap novel ini pasti akan menjadi tanda tanya. Pun juga bagaimana harus dijelaskan penolakan dan penerimaan kembali beliau seperti yang dilihat dalam laporan di mana namanya dicatat sebagai ahli. Dalam menangani soal “kesasteraan” novel ini, panel anugerah ini mengambil kira pandangan Shahnon tetapi pandangan ini tidak pula memupuskan kekuatan *Salina*. Dalam Laporan Anugerah Sastera 1985, khususnya yang berkaitan dengan *Salina*, ada dikatakan:

A Samad Said sebagai penulis hanya memaparkannya [gambaran masochistic] sahaja. Walau apa pun yang dikatakan oleh A Samad Said (dalam *Dari Salina Ke Langit Petang*) ataupun interpretasi yang diberikan oleh kritikan (Shahnon Ahmad “Siti Salina: Sebuah Renungan Kembali”), seorang pembaca lain dapat memberi pengertian yang berbeza. Dan kemungkinan ini sendiri menjadikan *Salina* sebuah novel atau cereka yang besar: *Salina* mencabar serta memberikan pengertian yang berbeza dan dapat dilihat daripada berbagai-bagai sudut ...

Dalam meninjau kutipan di atas, sayugia diingat laporan ini perlu mendamaikan beberapa pandangan tentang kesasteraan *Salina* yang bertentangan. Dalam situasi ini laporan memilih untuk menonjolkan kemampuan *Salina* mengundang berbagai reaksi sebagai salah satu kekuatannya. Dengan kata lain, kemampuan ini diajukan sebagai petanda “kesasteraan” *Salina*. Kalau diteliti, laporan ini secara tidak langsung tidak menolak aspek kekosongan iman yang diperkatakan Shahnon itu yang mungkin menimbulkan tanda tanya; tetapi laporan ini juga mengimbangi keperihatinan itu dengan pertimbangan-pertimbangan lain. Apa yang berlaku di sini ialah berubahnya takrif “sastera” dan “kesasteraan” sekali lagi guna untuk menampung konteks yang baru.

Dan konteks yang baru ini antara lain ialah kelanjutan minat terhadap “Sastera Islam” dan implikasinya terhadap penilaian “sastera” dan “kesasteraan”, kehadiran Shahnnon yang jelas pendiriannya dalam panel anugerah tersebut, cita rasa yang tidak melihat unsur yang dianggap kurang hormat atau tidak bermoral itu sebagai hambatan kepada keindahan estetika dan juga pertimbangan yang mengambil kira kemampuan karya mengundang reaksi yang berbagai. Gabungan perkara-perkara ini memberi pengakuan “kesasteraan” *Salina* seperti termaktub dalam laporan dan terbukti dalam pemberian anugerah tertinggi kepada pengarangnya.

PENUTUP

Setelah diperakukan di tahap yang paling tinggi itu, kedudukan novel *Salina* ini kembali menjadi mantap. Sekarang, seperti juga di waktu-waktu tertentu pada masa dahulu, karya ini dianggap sebagai klasik dan diperkatakan dengan bangganya. Apakah pula kedudukannya pada masa akan datang? Waktu saja akan menentukannya kerana sejarah *Salina* masih panjang lagi. Tetapi tinjauan di atas telah memperlihatkan dengan jelas betapa karya ini pernah mengalami nasib yang pasang surut. Tidak mustahil sejarah itu berulang lagi dan nasib karya ini akan berubah, sesuai dengan berubahnya faktor-faktor yang terlibat dalam penentuan dan penilaian “sastera” dan “kesasteraan”. Sungguhnya inilah antara faktor yang akan menentukannya.

Sehubungan dengan itu, makalah ini ingin kembali kepada persoalan yang dibangkitkan di awal perbincangan. Adakah “kesasteraan” itu mutlak dan adakah kajian dalaman semata-mata sebagai pertimbangan “kesasteraan” sesebuah karya kreatif dapat dipertanggungjawabkan. Tinjauan novel *Salina* di atas jelas memperlihatkan bahawa dalam soal “kesasteraan”, teks bukan satu-satunya pertimbangan yang relevan. Di samping teks yang justeru memang mustahak, faktor-faktor lain juga memainkan peranan yang tidak kurang pentingnya. Sehubungan dengan itu, penentuan, ramalan dan penilaian tentang “mutu sastera” atau “kesasteraan” sesebuah teks mengundang penelitian yang lebih luas lagi. Sesungguhnya, kajian yang adil, yang menawarkan nilai penjelasan yang tinggi, ialah yang terbit dari analisis yang meneroka segala faktor dan kemungkinan.

NOTA

1. Perkara ini telah saya bincangkan di kesempatan lain. Sila lihat makalah-makalah saya “Antara Penghasilan Dan Penghayatan”, *Dewan Sastera*, Julai, 1987 dan “Dominasi Kritikan Teks Dan Sastera Melayu Moden”, *Dewan Sastera*, Julai, 1988. Lihat juga makalah saya “Kaedah Integrasi Dalam Penyelidikan Sastera”, kertas kerja yang

dibentangkan di Seminar Penelitian Sastera: Metodologi Dan Penerapan Teori, Port Dickson, 29 Oktober – 1 November, 1992. (Akan diterbitkan dalam bentuk buku oleh Dewan Bahasa dan Pustaka).

2. Novel-novel lain yang mendapat hadiah penghargaan ialah *Bukan Salah Ibu Mengandung* oleh Yahya Abu Samah; *Seperti Laut Berombak* oleh Saleh Daud; *Berlindung Di balik Pelarian* oleh Abdul Aziz Alias; *Tak Ada Jalan Keluar* oleh Suratman Markasan; *Sumpah Si Pingkar* oleh Mat Yusof Jantan; *Perjuanganku – Amiruddin* oleh Zakaria Saleh dan *Anak Petani Lembah Kinta* oleh Abdullah Haji Abdul Rahman. Lihat *Dewan Bahasa*, Januari 1959, hal. 618.

3. Bandingkan kenangan kembali Keris Mas tentang perkara ini dalam memoirnya:

Namun persetujuan tersebut (iaitu manuskrip “Gerhana” menawarkan sesuatu yang baru dan sebagainya) tidak pula membolehkan novel itu mendapat tempat dalam senarai pemenang kerana banyak mengandungi babak yang bersifat mendorong atau memberangsang terhadap peluapan nafsu berahi yang mengejutkan para pengadil itu. Malah seorang pengadil terus terang mengatakan bahawa beberapa tempat dalam novel itu terang-terang menghampiri sifat porno. (Keris Mas, 1979: 192).

4. Untuk maklumat lanjut tentang fenomena Sastera Islam di Malaysia termasuklah konteks, wacana dan konvensinya, lihat makalah saya “*Sastera Islam: Malaysia’s Literaray Phenomenon of The 1970s And 1980s*”, *The Muslim World*, Vol. LXXIX, Nos. 3–4, July–October, 1989, m.s. 232 – 248.

RUJUKAN

- A Bakar Hamid. 1973. Arah perkembangan kesusasteraan Melayu *Dewan Bahasa, Ogos*.
- A Samad Ahmad. 1981. *Sejambak kenangan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- A Samad Said. 1979. *Dari Salina Ke langit Petang: Proses Penciptaan Novel*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Hamdi. 1962. Buku Penulis dan Pembaca. *Dewan Bahasa*, Disember.
- Kassim Ahmad. 1979. *Salina – Kesan-kesan Naturalisme Dan Materialisme. Dialog Dengan Sasterawan*. Kuala Lumpur: Penerbitan Pena.
- Keris Mas. 1979. *30 Tahun Sekitar Sastera*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Laporan Panel Anugerah Sastera Negara 1985 .
- Mohd. Taib Osman. 1974. Kesusasteraan Melayu dan Perubahan Sosio-budaya, *Dewan Bahasa, Ogos*.
- Peraturan dan Syarat-syarat Peraduan Mengarang Novel (DBP) 1959. *Dewan Bahasa, Mac, 1958*.
- Shannon Ahmad. 1979. Siti Salina: Sebuah Renungan kembali. *Dewan Sastera, Oktober*.
- Shannon Ahmad. 1980. Sastera Dalam Pembinaan Akhlak – Satu Renungan Dari sejarah Sastera Melayu. Dalam *Sastera dan Sasterawan*, Khoo Kay Kim dan Mohd. Fadzil Othman (peny.). Kuala Lumpur: *Persatuan Sejarah Malaysia*.
- Siti Hawa Salleh. 1976. Suatu Tinjauan Perkembangan Novel Melayu Dalam Masa Sepuluh Tahun. *Di sekitar Pemikiran Kesusasteraan Malaysia 1957–1972* Anwar Ridhwan (peny.). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

- Teeuw, A. 1964. Ulasan Buku Umum: Salina. *Dewan Bahasa*, November.
- Ungku Maimunah Mohd. Tahir. 1987. Antara Penghasilan Dan Penghayatan. *Dewan Sastera*, Julai.
- Ungku Maimunah Mohd, Tahir. 1988. Dominasi Kritikan Teks Dalam Sastera Melayu Moden. *Dewan Sastera* , Julai.
- Ungku Maimunah Mohd. Tahir. 1989. *Sastera Islam: Malaysia's Literary Pehnomenon of The 1970s And '80s'*. Dalam *The Muslim World*, Vol. LXXIX, Nos. 3 – 4, July – October.

Jabatan Persuratan Melayu
Universiti Kebangsaan Malaysia
43600 UKM Bangi,
Selangor D.E., Malaysia